

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HMT 401 Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Jawab LIMA [5] soalan.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
- Tulis nombor 1 hingga 7 pada muka surat hadapan kertas jawapan. Pangkah nombor soalan yang tidak anda jawab.
- Jawapan mestilah ringkas, tepat dan analitikal.
- Di samping isi, penggunaan Bahasa Melayu Tinggi diutamakan.

1. Stephen Ullman (1972) mengatakan bahawa apabila seseorang memikirkan Maksud sesuatu Perkataan, sekaligus ia memikirkan Rujukannya atau sebaliknya. Dengan contoh perkataan yang sesuai dan terhad, huraikan maksud konsep tersebut.

2. Perhatikan contoh ayat yang diperturunkan ini:

(a) Dia duduk di atas batu.

(b) Hatinya seperti batu.

Perkataan batu pada contoh di atas memiliki makna denotasi dan konotasi. Bincangkan.

.../2

3. Perhatikan senarai perkataan yang berikut ini:

- (a) saudara;
- (b) sarjana;
- (c) saya;
- (d) anugerah.

Perubahan makna boleh berlaku secara 'meluas' seperti contoh pada (a), 'menyempit' seperti contoh pada (b), 'meninggi' seperti pada (c) dan 'merendah' seperti pada (d). Huraikan.

4. Dengan contoh yang mencukupi, sila huraikan maksud 'makna seerti' dan makna 'berlawanan erti'.

5. Apakah yang dimaksud dengan makna gramatikal dan makna leksikal. Sertakan contoh yang mencukupi bagi menjelaskan maksud yang dikemukakan.

6. Sila analisis makna ayat yang disenaraikan ini:

- (a) Pengantin itu duduk di atas pelamin.
- (b) Gajah ini ada belalai.
- (c) Kakak membeli lima ekor lembu.
- (d) Kereta ada di halaman rumah.
- (e) Hujan turun di Minden pagi tadi.

7. Di dalam dunia penyiaran di negara kita pada satu masa dahulu kita mengenal rangkaian biru, rangkaian merah, rangkaian hijau dan rangkaian nasional. Apakah tujuan kerajaan mengubah nama rangkaian tersebut jika diteliti daripada segi makna dan budaya?

-oooOOOooo-